

**PSIKOLOGI KANAK-KANAK DALAM CERPEN -
CERPEN TERPILIH ZAHARAH NAWAWI**

ROSANITA BT HUSSIN

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2018**

PSIKOLOGI KANAK-KANAK DALAM CERPEN - CERPEN TERPILIH ZAHARAH NAWAWI

oleh

ROSANITA BT HUSSIN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

April 2018

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W., keluarga serta sahabat-sahabat baginda.

Dalam usaha menambahkan kajian-kajian ilmiah dalam kalangan warga pusat pengajian tinggi, alhamdulillah dengan penuh rasa kesyukuran dipanjangkan kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya memberi kesihatan yang baik dan memberi peluang kepada saya menyiapkan kajian yang bertajuk “Psikologi Kanak-Kanak dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Zaharah Nawawi” dengan jayanya.

Jutaan terima kasih dan penghargaan saya tujukan kepada pensyarah yang dikasihi Dr. Membunga @ Siti Meriam binti Yaacob yang sentiasa memberi panduan, tunjuk ajar dan motivasi sehingga lah sempurnanya kajian ini. Tanpa bimbingan beliau, saya pasti tidak dapat menyempurnakan kajian ini mengikut keperluan dan tempoh masa yang ditetapkan. Penghargaan juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah dan staf Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh Universiti Sains Malaysia dan Institut Pengajian Siswazah Universiti Sains Malaysia kerana membantu dalam menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga sekalung penghargaan buat staf Perpustakaan Hamzah Sendut Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya yang terlibat secara langsung dan tidak langsung membantu saya membuat rujukan demi menyiapkan kajian ini.

Penghargaan teristimewa juga saya rakamkan buat suami tercinta, bonda tersayang dan seluruh keluarga yang menyokong saya dengan setulus hati dan sentiasa mendoakan kejayaan saya. Tidak ketinggalan buat para sahabat dan warga Sekolah Kebangsaan Api Api, Pontian yang sentiasa berada di belakang saya sebagai tanda sokongan. Akhir sekali, terima kasih juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menyokong kajian ini. Semoga kajian ini dapat memberi ilmu dan maslahat kepada pelajar universiti, pengkaji sastera dan warga khalayak amnya. Semoga kajian ini mendapat keberkatan dan keredaan Allah. Amin.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iv
Abstrak	vi
Abstract	viii

BAB 1 - PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	6
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Skop Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Kajian Lepas	10
1.7 Teori dan Metodologi	14
1.8 Konsep Kanak-Kanak	16
1.9 Organisasi Kajian	17

BAB 2 - PENDEKATAN PSIKOLOGI

2.1 Pengenalan	19
2.2 Perkembangan Psikologi	20
2.3 Teori Psikoanalisis Sigmund Freud	21
2.4 Psikologi Kanak-Kanak	28

BAB 3 - NALURI BERANI

3.1 Pendahuluan	32
3.2 Berani Demi Sebuah Impian	34
3.3 Berani Demi Kemanusiaan	43
3.4 Kesimpulan	58

BAB 4 - NALURI KASIH SAYANG

4.1	Pendahuluan	60
4.2	Kasih Sayang Terhadap Keluarga	62
4.3	Kasih Sayang Terhadap Jiran	92
4.4	Kesimpulan	93

BAB 5 - NALURI INGIN TAHU

5.1	Pendahuluan	95
5.2	Ingin Tahu Sesuatu yang Baharu	96
5.3	Ingin Tahu untuk Mendapatkan Pengalaman	111
5.4	Kesimpulan	124

BAB 6 - NALURI BERTANGGUNGJAWAB

6.1	Pendahuluan	126
6.2	Tanggungjawab Terhadap Diri	128
6.3	Tanggungjawab Terhadap Keluarga	133
6.4	Tanggungjawab Terhadap Masyarakat	150
6.5	Kesimpulan	155

BAB 7 - NALURI MENGIKUT EMOSI

7.1	Pendahuluan	157
7.2	Inginkan Perhatian	159
7.3	Tiada Perasaan Empati	163
7.4	Inginkan Kepuasan Diri	169
7.5	Kesimpulan	175

BAB 8 – PENUTUP.....	177
-----------------------------	------------

BAHAN RUJUKAN.....	183
---------------------------	------------

PSIKOLOGI KANAK-KANAK DALAM CERPEN-CERPEN TERPILIH

ZAHARAH NAWAWI

ABSTRAK

Kajian “Psikologi Kanak-Kanak dalam Cerpen Terpilih Zaharah Nawawi” terdiri dari tujuh bab. Bab pertama merupakan pendahuluan, permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kajian lepas, teori kajian, konsep kanak-kanak dan organisasi kajian. Memandangkan cerpen-cerpen yang dipilih ini banyak melakarkan tingkah laku kanak-kanak, maka teori yang digunakan dalam keseluruhan kajian adalah dengan menggunakan teori psikologi yang menjurus kepada Teori Psikoanalisis Sigmund Freud. Kajian ini memberi tumpuan terhadap tiga antologi cerpen Zaharah Nawawi iaitu *Komputer Baru untuk Mama* (1998), *Wangian Bukit Peranginan* (2002) dan *Di Hujung Penantian* (1993). Meskipun kesemua cerpen ini berjumlah 63 buah, namun cerpen-cerpen yang dikaji dalam kajian ini hanyalah sebanyak 23 buah cerpen sahaja. Pemilihan terhadap cerpen ini adalah kerana belum dikaji oleh mana-mana pihak, khususnya dengan menggunakan pendekatan psikologi. Kajian ini mempunyai tiga objektif. Objektif pertama adalah mengenal pasti cerpen-cerpen Zaharah Nawawi yang memaparkan psikologi kanak-kanak. Objektif kedua pula adalah mengkategorikan tingkah laku kanak-kanak yang diketengahkan oleh Zaharah Nawawi. Didapati cerpen-cerpen ini boleh dikategorikan kepada lima tingkah laku iaitu naluri berani, naluri kasih sayang, naluri ingin tahu, naluri tanggungjawab dan naluri mengikut emosi. Manakala objektif ketiga pula adalah menganalisis tingkah laku kanak-kanak yang cenderung positif dan negatif

dalam cerpen-cerpen Zaharah Nawawi. Kajian ini mendapati Zaharah Nawawi banyak menonjolkan perlakuan positif kanak-kanak berbanding dengan negatif.

THE CHILD PSYCHOLOGY IN ZAHARAH NAWAWI'S SELECTED SHORT STORIES

ABSTRACT

The research “The Child Psychology in Zaharah Nawawi’s Selected Short Stories” comprises eight chapters. The first chapter includes the introduction, research problem, research objectives, research scope, research significance, previous research, research theories, conceptual and research organisation. Since most of the selected short stories illustrate children’s behaviour, the theory that governs the whole research is a psychology theory developed by Sigmund Freud, namely Psychoanalytic Theory. This research focused on three short story anthologies written by Zaharah Nawawi which were *Komputer Baru untuk Mama* (1998), *Wangian Bukit Peranginan* (2002) and *Di Hujung Penantian* (1993). Altogether there were 63 short stories. Nevertheless, the studied short stories were only 23. The selections were also made as the short stories has never been explored by any parties, especially using the psychological approach. The research had three main objectives. The first objective was to identify Zaharah Nawawi’s short stories which portray the psychology of children. The second objective was to categorise the behaviours of children as portrayed by Zaharah Nawawi. Such short stories can be categorised into five behaviour types, which were of the sense of courage, love, curiosity, responsibility and emotional tendency. The third objective was to analyse the behaviour of the children in Zaharah Nawawi’s short stories, either they were prone to positive or

negative behaviour. The research discovered that Zaharah Nawawi tends to highlight children's positive behaviour than the negative ones.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Zaharah Nawawi merupakan seorang penulis prolifik yang tidak asing lagi bagi khalayak dan pencinta sastera di Malaysia. Beliau dilahirkan di Kampung Parit Jawa, Mukim Empat, Batu Pahat, Johor pada 5 Mei 1940. Mulai mengasah bakat dalam karya penulisan sejak berusia 12 tahun dan semenjak itu beliau terus mencerahkan idea kreatifnya tanpa henti sehingga kini.

Novel sulung beliau *Sebelum Berakhirnya Musim Bunga* yang terbit pada tahun 1972 dapat dianggap sebagai gambaran kehidupan peribadi Zaharah sendiri. Pengalaman di bidang kewartawanan turut membantu Zaharah Nawawi mengembangkan idea kreatifnya. Beliau pernah berkhidmat sebagai wartawan di Utusan Melayu dan Anggota Sidang Pengarang majalah Wanita dari tahun 1975 sehingga 1976. Seterusnya beliau menabur khidmat di Berita Publishing (anak syarikat Kumpulan The New Straits Times) dari tahun 1976 sehingga 1985. Jawatan terakhir yang disandang oleh beliau di sana ialah Editor Umum Penerbitan Berbahasa Malaysia (Editor General Bahasa Publications) yang merangkumi semua penerbitan majalah serta buku berbahasa Melayu di Berita Publishing.

Seterusnya, Zaharah berpindah ke Pustaka Cipta Sdn. Bhd sebagai Editor Urusan dari 1985 sehingga 1986. Dana DERMA CIPTA Dewan yang diperoleh beliau dari Dewan Bahasa dan Pustaka membolehkan beliau membuat penyelidikan tentang Panglima

Salleh Selempang Merah. Daripada kajian tersebut, lahirlah novel berjudul *Panglima Salleh Selempang Merah* yang diterbitkan dan dipasarkan kepada khalayak pada penghujung tahun 1988. Novel yang mengisahkan perjuangan Panglima Salleh bersama-sama orang kampung dalam membanteras kegiatan dan kezaliman komunis Bintang Tiga dalam tahun 1945 di Batu Pahat telah dicetak ulang sebanyak tiga kali.

Pada tahun 1988, Zaharah telah menjadi editor majalah Timang keluaran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sehingga tahun 1995. Kemudian beliau menjadi penulis sepenuh masa dengan nama pena seperti Zaharah binti Haji Nawi, I.M., Iman Murni, Pena Mutiara, Zahni Batu Pahat, Zahni Malaya dan Sutera Diwangga.

Zaharah telah menulis novel *Anugerah* pada tahun 1995 yang juga merupakan antara novel terpanjang di Malaysia (1351 halaman). Novel ini berkisar tentang perjuangan orang Melayu menentang Malayan Union dan seterusnya menuntut kemerdekaan. Para pengkaji menyifatkan *Anugerah* bukan sekadar novel sejarah, tetapi juga novel politik dan feminism iaitu tiga dalam satu. Novel ini berakhir dengan pengisytiharan kemerdekaan di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957. Idea kreatif Zaharah ini telah membawa tuah kepadanya apabila beliau telah dianugerahkan Sea Write Award yang ke-18 di Bangkok Thailand pada 26 September 1996.

Novel *Anugerah* telah diadaptasi ke pementasan selama sejam pada 4 Mei 1996, bersempena Malam Puisi Utusan sebagai hadiah ulangtahun UMNO ke-50.

Seterusnya pada 5 hingga 10 Oktober 1996, selama enam hari berturut-turut pementasan *Anugerah* telah diadakan buat kali kedua dan ditonton oleh empat ribu penonton setiap malam pementasan (*Merentas Laluan*, 2004 : 278). Kali ini dengan kerjasama Utusan dengan Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Novel *Anugerah* juga disifatkan oleh beberapa orang tokoh sastera sebagai maha karya Zaharah Nawawi.

Seterusnya, dari tahun 1997 hingga 1998, beliau menjadi Karyawan Tamu Dewan Bahasa dan Pustaka dengan menyiapkan buku kreatifnya berjudul *Merentas Laluan*. Semenjak 1989 hasil pena beliau banyak memenangi hadiah antaranya menerusi cerpen “Suara Ombak” (*Dewan Budaya*) dan “Emak Tak Marah Lagi” (*Mingguan Malaysia*).

Pada tahun 1999, sekali lagi hasil titik peluh beliau diberi pengiktirafan apabila menerima Hadiah Karyawan Sastera Johor, Hadiah Sastera Johor Darul Ta’zim. Sepanjang penglibatan dalam bidang penulisan, beliau telah melahirkan tujuh buah novel dewasa, tiga novel kanak-kanak, empat kumpulan cerpen persendirian dan lebih daripada 25 buah antologi cerpen bersama.

Sebagai pencinta bidang penulisan, Zaharah Nawawi amat berharap adanya pelapis yang telus mengembangkan kesusasteraan tanah air. Justeru, mulai tahun 1993 beliau telah mengadakan bengkel-bengkel penulisan yang meliputi beberapa genre termasuk novel, cerpen, puisi, kritikan, drama radio, bahasa, undang-undang dan rencana.

Akhirnya, pada November 1997 kelab penulis Zaharah dengan nama KEPEZI (Kelab Penulis Zaharah Nawawi) telah ditubuhkan. Kelab ini telah berjaya melatih penulis-penulis pelapis seperti Faisal Tehrani, Siti Jasmina Ibrahim, Mohd Kholid Hamzah, Tiras R, Haryati Abu Nasir, W.B Rendra dan Ibnu Ahmad Al-Kurawi¹. Penghargaan terhadap idea kreatif Zaharah Nawawi turut terlihat apabila karya-karyanya terutama *Jalur Sinar Di Cela Daun* dan *Anugerah* menjadi bahan kajian sarjana dan ilmuan di beberapa benua Eropah, iaitu Perancis, Denmark dan Australia .

Selain itu, beberapa buah novel beliau turut mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Antaranya ialah novel *Jalur Sinar Di Cela Daun* (1981) yang pernah menjadi Buku Teks di Tingkatan 4 dan 5 selama tujuh tahun berturut-turut. Manakala novel *Menuju Ke Puncak* (1987) terpilih bagi Projek Buku Bank Dunia 1990, *Panglima Salleh Selempang Merah* (1988) menjadi Buku Teks Tambahan Tingkatan Enam Atas.

Selain daripada pengiktirafan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, karya Zaharah Nawawi turut mendapat pengiktirafan lain. Novel *Ebe dan Eme* (1988) memenangi Hadiah Buku Terbaik Kanak-kanak Bukan Bergambar (Hadiah Buku Kebangsaan 1990) Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan Malaysia dan *Suara Ombak* memenangi Hadiah Sastera Johor 1996 kategori Antologi Cerpen. Manakala cerpen “Emak Tak Marah Lagi” telah memenangi Hadiah Saguhati Hadiah Sastera Utusan/Public Bank

¹ <http://kepezi.blogspot.my/2008/09/kenali-pengasas-kepezi-zaharah-nawawi.html>

1986, “Perjalanan Yang Jauh” memenangi Hadiah Ketiga Peraduan Cerpen Berunsur Islam Kelapan anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, “Orang Bertopeng” memenangi Hadiah Saguhati Pertandingan Cerpen Negeri Pulau Pinang YTL 1996, “Perjalanan Yang Jauh” turut memenangi Hadiah Sastera Johor kategori Cerpen Eceran 1996, “Airmata lelaki” memenangi Hadiah Kedua Peraduan Cerpen Berunsur Islam IX Anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam JPM 1996, “Kereta Air” memenangi Hadiah Saguhati Hadiah Cerpen Maybank-DBP 1994/1995 dan “Wangian Bukit Peranganan” memenangi Hadiah Saguhati Hadiah Cerpen ESSO-GAPENA X 1997².

Sebagai pengarang yang aktif dan prihatin, Zaharah Nawawi tidak sahaja memberi tumpuan terhadap karya-karya yang menyentuh isu-isu global, namun turut mengutarakan persoalan yang melingkungi kanak-kanak. Bagi beliau kehidupan kanak-kanak adalah penuh misteri dan perlu diterokai sepenuhnya sama ada untuk memahami jiwa mereka atau bersama-sama mereka dalam menjalani kehidupan. Pengalaman masa lalu beliau sebagai kanak-kanak mendorong beliau untuk menghasilkan cerpen-cerpen yang mengisahkan kehidupan kanak-kanak yang mempunyai naluri ingin tahu, bersikap berani, penyayang dan lain-lain. Keinginan-keinginan ini biasanya tidak disedari oleh orang dewasa.

Bagi Zaharah Nawawi, jiwa kanak-kanak patut diketahui oleh pembaca kerana setiap tindakan yang dilakukan oleh kanak-kanak adalah bersebab meskipun adakalanya

² <http://akademikaryawanmansurah.blogspot.com/2008/03/zaharah-nawawi-perjalanan-seorang.html>

kelihatan tidak rasional pada pemikiran orang dewasa. Justeru, menghayati cerpen kanak-kanak nukilan Zaharah Nawawi samalah dengan menyelami jiwa kanak-kanak yang mempunyai sikap protes, suka meniru, ingin meneroka dan mendapat pengalaman baharu. Meskipun begitu, ramai pengkaji memberi banyak tumpuan kepada kajian yang berbentuk serius dan jarang cerpen kanak-kanak diberi tumpuan. Cerpen-cerpen yang dihasilkan termuat dalam kumpulan cerpen *Komputer Baru untuk Mama* (1998), *Wangian Bukit Peranginan* (2002) dan *Di Hujung Penantian* (1993). Oleh itu, kajian ini mengambil inisiatif untuk mengkaji cerpen-cerpen kanak-kanak yang dihasilkan oleh Zaharah Nawawi khususnya yang berhubung dengan psikologi.

1.2 Permasalahan Kajian

Bakat Zaharah Nawawi dalam bidang penulisan tidak dapat dinafikan lagi kerana karya beliau sering menjadi bahan kajian mahasiswa dan para sarjana. Kajian-kajian ini banyak tertumpu kepada novel dan cerpen. Sebagaimana yang diketahui umum, Zaharah Nawawi turut menghasilkan cerpen kanak-kanak. Melalui cerpen-cerpen ini Zaharah telah melakarkan gelagat kanak-kanak, suka duka mereka, keterujaan mereka dan perlakuan mereka yang ada kalanya mengikut emosi. Dunia kanak-kanak yang penuh keriangan dan perlakuan yang lucu serta pahit getir mereka melalui kesuakaran hidup terukir jelas dalam cerpen-cerpen beliau. Namun begitu cerpen-cerpen ini belum dikaji oleh mana-mana pihak sedangkan melalui karya ini, khalayak dapat menyelami dan mengetahui perlakuan kanak-kanak yang kadang-kadang bertindak tanpa di luar dugaan. Di sini jelas terdapat kelompongan dalam kajian terhadap karya-karya Zaharah Nawawi. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengisi ruang yang

masih kosong ini bagi menambah dan melengkapkan kajian ke atas karya-karya Zaharah Nawawi.

Meneliti cerpen-cerpen kanak-kanak yang termuat dalam kumpulan cerpen Zaharah Nawawi seperti *Komputer Baru untuk Mama* (1998), *Wangian Bukit Peranginan* (2002) dan *Di Hujung Penantian* (1993), memberi gambaran bahawa pengarang ini telah meneroka jiwa kanak-kanak dalam pelbagai bentuk. Justeru, cerpen ini perlu dikaji dengan menggunakan pendekatan psikologi bagi memperoleh gambaran yang jelas tentang tingkah laku kanak-kanak. Kajian seumpama ini perlu dilakukan ke atas cerpen kanak-kanak yang dihasilkan oleh Zaharah Nawawi bagi memperbanyakkan kajian yang menggunakan pendekatan psikologi. Kajian seumpama ini perlu dilakukan kerana sehingga setakat ini belum ada kajian yang menjurus kepada aspek psikologi terhadap cerpen Zaharah Nawawi dilakukan.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai empat objektif :

1. Objektif pertama kajian ini adalah mengenal pasti cerpen-cerpen Zaharah Nawawi yang memaparkan psikologi kanak-kanak.
2. Objektif kedua adalah mengkategorikan tingkah laku kanak-kanak yang diketengahkan oleh Zaharah Nawawi.
3. Objektif ketiga pula adalah untuk menganalisis tingkah laku kanak-kanak yang cenderung positif dalam cerpen-cerpen Zaharah Nawawi.

4. Objektif keempat adalah menganalisis tingkah laku kanak-kanak yang cenderung negatif dalam cerpen-cerpen Zaharah Nawawi.

1.4 Skop Kajian

Kehadiran Zaharah Nawawi dalam dunia penulisan menambahkan kerancakan perkembangan penghasilan karya sastera tanah air. Pengalaman dan pengetahuan beliau yang mendalam dalam penulisan sastera menjadikan karya-karya beliau begitu kreatif dan mempunyai mesej-mesej tertentu yang memberi kesan kepada khalayak. Penulisan beliau bukan sahaja ditujukan kepada khalayak dewasa malahan kanak-kanak. Hal ini dapat dilihat dengan terhasilnya beberapa buah novel dan cerpen kanak-kanak yang menarik dan menggunakan bahasa yang mudah. Beliau telah menghasilkan beberapa buah novel dan antaranya ialah *Anugerah, Haruman Kencana, Jalur Sinar Di Cela Daun* dan *Panglima Salleh Selempang Merah*.

Zaharah Nawawi telah menghasilkan sejumlah cerpen yang dikumpulkan dalam beberapa kumpulan cerpen. Antara cerpen-cerpen yang menarik perhatian ialah cerpen kanak-kanak yang termuat dalam kumpulan cerpen *Komputer Baru untuk Mama, Wangian Bukit Peranginan* dan *Di Hujung Penantian*. Cerpen-cerpen ini mengisahkan ragam kanak-kanak, suka duka, impian dan harapan mereka dalam mengharungi kehidupan bersama rakan sebaya, keluarga dan masyarakat. Justeru, kajian ini memilih untuk mengkaji tiga kumpulan cerpen ini.

Kajian ini menjurus kepada dua puluh tiga buah cerpen kanak-kanak iaitu, “Emak Tak Marah Lagi”, “Di Pesta Main Pantai”, “Salah Sangka”, “Belajar Mengembara”, “Perangkap”, “Berkelah”, “Wangian Bukit Peranganan”, “Hadiah Hari Raya untuk Nenek”, “Komputer Baru untuk Mama”, “Dali Tidak Berayah Lagi”, “Nenek Yah”, “Rindu”, “Ibu Zaiton Lumpuh”, “Mos Jual Buah”, “Di Hujung Penantian”, “Terhukum”, “Jalan Keluar”, “Adik”, “Berkelah”, “Belajar Berpuasa”, “Rambutan Kukus”, “Tertelan Air” dan “Hassan Hilang Pensel”. Cerpen-cerpen ini dipilih untuk dikaji kerana di dalamnya terungkap unsur psikologi kanak-kanak yang ketara. Melalui cerpen-cerpen ini, khalayak dapat memahami jiwa kanak-kanak yang penuh dengan teka teki dan kadang-kadang tidak terjangkau oleh fikiran orang dewasa. Cerpen-cerpen seumpama ini perlu dikaji secara ilmiah kerana mampu menyedarkan khalayak bahawa kanak-kanak juga ada perasaan, keinginan dan kehendak yang boleh mendorong mereka bertindak di luar kawalan diri jika tidak dipantau. Cerpen-cerpen ini juga dijadikan pilihan kerana sehingga kini belum ada kajian yang dilakukan secara ilmiah meskipun tingkah laku kanak-kanak yang termuat di dalamnya ada persamaan dengan tingkah laku sebenar kanak-kanak.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dilakukan kerana dapat menambahkan lagi kajian terhadap karya kanak-kanak memandangkan tumpuan penyelidik agak berkurangan terhadap genre ini sedangkan karya seumpama ini mampu mendidik dan membentuk sahsiah diri generasi muda.

Kajian ini juga penting dilakukan kerana akan dapat menambahkan khazanah kesusastraan tanah air dan menjadi rujukan kepada pengkaji lain, khususnya dalam bidang psikologi kanak-kanak yang agak berkurangan jika dibandingkan dengan penggunaan pendekatan lain. Kajian ini diharap akan menjadi pemangkin kepada penyelidik seterusnya bagi meneruskan penyelidikan dalam aspek psikologi ke atas karya sastera tanah air.

Kajian ini juga akan menambahkan penyelidikan ke atas karya Zaharah Nawawi yang sedia ada, khususnya psikologi kanak-kanak. Dengan kajian ini maka diharap kajian terhadap karya Zaharah Nawawi akan lebih lengkap.

1.6 Kajian Lepas

Sebagaimana yang dijelaskan dalam permasalahan kajian, karya Zaharah Nawawi dalam genre kanak-kanak belum lagi dikaji oleh mana-mana pihak. Walau bagaimana pun karya sastera kanak-kanak pernah dikaji oleh beberapa orang sarjana. Roshani binti Abdullah (2007) dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia pernah mengkaji novel kanak-kanak. Kajian beliau yang bertajuk “Kajian Unsur-unsur Pembentukan Sahsiah Dalam Novel Kanak-kanak” merumuskan bahawa novel kanak-kanak mengandungi unsur-unsur pembentukan sahsiah dari aspek emosi, rohani, jasmani dan intelek. Walaupun kajian ini memberi tumpuan terhadap novel, namun menjurus kepada karya kanak-kanak. Ini menjelaskan bahawa karya kanak-kanak juga penting dan perlu dikaji secara ilmiah. Hal ini menjelaskan bahawa karya kanak-kanak yang dihasilkan oleh Zaharah

Nawawi juga penting namun cerpen-cerpen kanak-kanak yang beliau hasilkan belum lagi dikaji. Jadi wajarlah kajian psikologi kanak-kanak terhadap cerpen-cerpen Zaharah Nawawi dilakukan.

Turut mengkaji karya kanak-kanak ialah Adenan Ahmad (1980). Kajian sarjana beliau yang berjudul, “Kajian Cerita Kanak-kanak dan Peranannya Dalam Kehidupan” merumuskan bahawa cerita kanak-kanak mampu membentuk moral dan sahsiah, memberi pengetahuan dan mengembangkan kesan positif pada perkembangan spiritual dan psikologi kanak-kanak. Kajian ini juga menjelaskan bahawa cerpen kanak-kanak sama pentingnya dengan cerpen-cerpen lain kerana di dalamnya termuat nilai-nilai murni yang mampu memberi pedoman kepada khalayak. Kajian Adenan Ahmad ini jelas menunjukkan cerpen kanak-kanak juga penting dan perlu diketengahkan kerana terdapat nilai-nilai positif yang ingin disampaikan kepada kanak-kanak. Namun kajian cerpen kanak-kanak yang dihasilkan oleh Zaharah Nawawi belum lagi mendapat perhatian pengkaji. Justeru, kajian yang akan dilakukan ini mampu memperbanyak kajian ke atas cerpen kanak-kanak, khususnya karya Zaharah Nawawi.

Selain daripada novel dan cerpen kanak-kanak, puisi kanak-kanak turut mendapat perhatian pengkaji. Hong Moi Hiong (2010) dari Universiti Malaya telah mengkaji tentang sifat-sifat kesusasteraan dalam puisi kanak-kanak Mahua dalam buku teks Bahasa Cina. Kajian beliau yang berjudul “Puisi Kanak-Kanak Mahua Dalam Buku Teks Di Sekolah Rendah Malaysia” mendapati puisi kanak-kanak Mahua bukan

sahaja sesuai dijadikan sumber pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah malah mampu memperkembang intelek kanak-kanak dan memperkaya daya imaginasi kanak-kanak.

Mohd. Nazim bin Najmuddin (2010) dari Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya turut mengkaji sastera kanak-kanak. Kajian di peringkat sarjana yang bertajuk “Bahasa dan Gender dalam Komik Humor Kanak-Kanak” memberi fokus kepada komik humor Doraemon yang berbahasa Melayu dengan memberi fokus kepada aspek bahasa. Jelasnya, kajian Hong Moi Hiong dan Nazim bin Najmuddin masih memberi tumpuan terhadap sastera kanak-kanak dan tumpuan khas telah diberikan kepada puisi dan komik. Kajian Hong Moi Hiong menunjukkan pentingnya sastera kanak-kanak dalam memupuk daya intelek dan memberi pengajaran. Justeru, kajian yang akan dilakukan ini bertepatan kerana sastera kanak-kanak adalah sama pentingnya dengan sastera dewasa. Sastera kanak-kanak juga ada roh dan jiwa yang dapat membicarakan tentang riang ria kanak-kanak sebagaimana sastera dewasa yang membicarakan tentang kehidupan manusia dan masyarakat.

Tegasnya, kajian ini perlu dilakukan kerana kajian terhadap cerpen kanak-kanak Zaharah Nawawi belum lagi dikaji sedangkan karya ini juga mengetengahkan isu kanak - kanak. Mengkaji psikologi kanak-kanak dalam sastera kanak-kanak samalah dengan meneroka jiwa mereka; mengetahui kehendak, keinginan dan cara mereka bertindak dalam memenuhi impianKajian yang akan dilakukan ini akan memberi fokus terhadap psikologi kanak-kanak.

Pendekatan psikologi bukanlah baharu dalam arena kesusasteraan kerana terdapat kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana. Antaranya ialah Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2000) dari Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Kajian di peringkat sarjana yang bertajuk “Novel-novel Hamzah Hussain : Kajian Watak Dari Sudut Psikologi” telah menganalisis lima buah novel ciptaa Hamzah Hussien iaitu *Rumah itu Dunia Aku* (1951), *Pemburu Pulang ke Rumah* (1953), *Rumah Kosong* (1956), *Samseng* (1956) dan *Hujan Air Mata* (1958). Kajian ini menggunakan Teori Psikologi Sigmund Freud, Carl Jung, Alfred Adler dan Karen Horney terhadap lima buah novel. Sementara itu, Halimatun Adawiah bt Ramli (2011) turut membuat kajian dengan penggunaan pendekatan psikologi. Kajian di peringkat sarjana yang berjudul “ Watak Abnormal dari Aspek Psikologi dalam Novel Remaja” telah memfokuskan kepada empat buah novel remaja iaitu *Sesejuk Maaf di kalbu* (2009), *Igauan Semalam* (2009), *Cerita Adam* (2004), dan *Nama Aku N* (2008).

Noor Azlin Ayuni binti Mohd Arshat (2015) turut membuat kajian dengan menggunakan pendekatan yang sama. Kajian di peringkat sarjana yang berjudul “ Analisis Psikologi Watak dan Pengarang daripada Novel *Panggil Aku Melaju* (2008) telah memfokuskan kepada empat buah novel remaja iaitu *Sesejuk Maaf di kalbu* (2009), *Igauan Semalam* (2009), *Cerita Adam* (2004), dan *Nama Aku N* (2008). Masalah kejiwaan dalam novel ini dilihat menerusi tindakan atau aksi watak, punca yang menyebabkan kejiwaan kepada watak dan penyelesaiannya. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti psikologi pengarang menerusi dialog oleh watak-watak, tindakan watak-watak dan deskripsinya (mekanisme helah bela diri) . Novel ini merupakan

novel psikologi kerana berkisarkan mengenai pesakit-pesakit jiwa di Institut Mental Negara (IMN) dan ketidakpuasan hati pengarang terhadap tindakan kerajaan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam PPSMI.

Daripada sorotan kajian di atas, adalah jelas bahawa kajian yang akan dilakukan ini tidak sama dengan kajian yang akan dilakukan. Meskipun terdapat para sarjana yang mengkaji karya sastera kanak-kanak, namun fokus mereka adalah terhadap hasil nukilan pengarang lain. Begitu juga dengan pendekatan psikologi. Meskipun terdapat kajian yang menggunakan pendekatan psikologi, namun ia tidak sama dengan kajian yang akan dilakukan. Pendekatan dalam sorotan kajian di atas menjurus kepada sastera remaja dan sastera dewasa atau serius, manakala kajian ini memberi fokus terhadap cerpen Zaharah Nawawi. Dengan ini adalah jelas bahawa kajian yang akan dilakukan ini akan memberi penemuan baharu dan dapat menjadi pemangkin kepada kajian yang menjurus kepada karya Zaharah Nawawi dalam aspek psikologi.

1.7 Teori dan Metodologi

1.7 a Teori

Memandangkan kajian ini memberikan fokus kepada psikologi kanak-kanak, maka teori yang akan digunakan ialah teori psikologi yang digagaskan oleh Sigmund Freud. Menurut Suppiah Nachiappan et al. (2008 : 131), Sigmund Freud telah mengkaji personaliti manusia dengan menggunakan bahagian aisberg yang dibandingkan dengan peringkat-peringkat perkembangan personaliti manusia iaitu id, ego dan superego. Maklumat tentang psikologi Freud akan dibincangkan dalam Bab 2.

Pada keseluruhannya psikologi kanak-kanak yang akan dikupas melalui pendekatan ini adalah merujuk kepada tingkah laku kanak-kanak yang bertitik tolak daripada id, ego dan superego. Analisis dengan menggunakan pendekatan ini mampu menyelami jiwa kanak-kanak yang cuba diungkapkan oleh Zaharah Nawawi melalui karya-karyanya.

1.7 b Metodologi

Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan menjurus kepada analisis kandungan (*content analysis*). Langkah pertama kajian ini adalah merujuk kepada pemilihan karya. Kajian ini mendapati cerpen kanak-kanak khususnya yang termuat dalam kumpulan cerpen *Komputer Baru Untuk Mama, Wangian Bukit Peranginan* dan *Di Hujung Penantian* amat istimewa kerana memaparkan unsur psikologi kanak-kanak yang jelas. Memandangkan kajian ke atas cerpen-cerpen ini belum dikaji oleh mana-mana pihak, maka kajian ini memutuskan untuk mengkaji cerpen-cerpen ini.

Langkah kedua ialah menentukan pendekatan yang akan digunakan dalam keseluruhan kajian ini. Kajian ini mendapati cerpen kanak-kanak Zaharah Nawawi banyak memberi tumpuan kepada aspek psikologi. Justeru, kajian ini memutuskan untuk menggunakan teori psikologi bagi mengupas cerpen-cerpen yang dikaji dengan menggunakan pendekatan psikologi Freud. Dalam membuat analisis keseluruhannya, tesis, majalah, buku dan bahan-bahan ilmiah yang lain telah digunakan.

1.8 Konsep Kanak-kanak

Terdapat beberapa pandangan tentang pengertian kanak-kanak. Mengikut Tang Chee Yee (1993: 62) kanak-kanak dikategorikan mereka yang berumur 2 tahun hingga 12 tahun. Sementara itu U.Wento Osima (T.T: 13) mengkelaskan kanak-kanak ialah mereka yang berusia 2 tahun hingga 13 tahun.

Manakala Mok Soon Sang (2012: 23) pula berpandangan bahawa kanak-kanak ialah mereka yang berusia 2 tahun hingga 11 tahun. Pendapat Yusoff Zaky Yacob (1977: 43) pula menyatakan bahawa kanak-kanak ialah mereka yang berumur dari 2 tahun hingga 12 tahun. Kartini Kartono (1979 : 112) pula mengatakan bahawa kanak-kanak ialah mereka yang berumur 1 tahun hingga 12 tahun.

Sementara itu, Haliza Hamzah dan Joy N.Samuel (2011 : 26) berpendapat kanak-kanak ialah mereka yang berumur 3 tahun hingga 11 tahun. Manakala Mohd. Sharani Ahmad berpandangan bahawa kanak-kanak berumur 2 tahun hingga akhil baligh. Sementara itu, Philip G. Zimbardo, Ann L. Webber dan Robert Lee Johnson (2000 : 95) menerusi buku mereka yang bertajuk *Psychology* telah mengkategorikan kanak-kanak berusia daripada 2 tahun hingga 9 tahun. Seterusnya, Richard M. Lerner *et. all* (1986 : 143) dalam *Psychology* merumuskan kanak-kanak ialah mereka yang berusia 2 tahun hingga 13 tahun.

Daripada beberapa pandangan sarjana ini maka dirumuskan bahawa kanak-kanak ialah anak kecil yang berumur 2 tahun hingga 12 tahun. Walau bagaimanapun, dalam

konteks kajian ini kanak-kanak ialah watak-watak kanak-kanak yang berada dalam lingkungan 5 tahun hingga 12 tahun sebagaimana yang tertera dalam cerpen Zaharah Nawawi.

1.9 Organisasi Kajian

Kajian ini terdiri daripada lapan bab. Bab 1 merupakan bab pendahuluan. Bab ini merangkumi pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kajian lepas, teori dan metodologi, konsep kanak-kanak dan organisasi kajian.

Bab 2 akan memberi penekanan kepada pendekatan psikologi. Bab ini akan menghuraikan unsur psikologi khususnya psikologi kanak-kanak yang akan dijadikan panduan untuk menganalisis keseluruhan cerpen dalam kajian ini.

Bab 3 merupakan analisis terhadap psikologi kanak-kanak yang berhubung dengan naluri berani. Cerpen-cerpen yang akan dikaji di dalam bab ini ialah “Emak Tak Marah Lagi”, “Di Pesta Main Pantai”, “Salah Sangka”, “Belajar Mengembara”, “Perangkap”, “Berkelah” dan “Wangian Bukit Peranginan”. Cerpen-cerpen tersebut termuat dalam antologi cerpen *Di Hujung Penantian, Komputer Baru untuk Mama* dan *Wangian Bukit Peranginan*.

Bab 4 memberi tumpuan terhadap analisis psikologi kanak-kanak yang berhubung dengan naluri kasih sayang. Cerpen yang dikaji dalam bab ini pula bertajuk “Hadiah

“Hari Raya untuk Nenek”, “Komputer Baru untuk Mama”, “Wangian Bukit Peranginan”, “Dali Tidak Berayah Lagi”, “Nenek Yah”, “Perangkap”, “Rindu” dan “Ibu Zaiton Lumpuh”.

Bab 5 mengupas psikologi kanak-kanak berhubung dengan naluri ingin tahu. Dalam konteks cerpen ini boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu ingin tahu sesuatu yang baharu dan ingin tahu untuk mendapatkan pengalaman. Cerpen-cerpen terpilih untuk kajian di dalam bab ini ialah “Rambutan Kukus”, “Belajar Puasa”, “Adik”, dan “Nenek Yah”.

Bab 6 mengetengahkan naluri tanggungjawab kanak-kanak terhadap diri, keluarga dan masyarakat. Kajian ini akan memberi fokus terhadap cerpen-cerpen bertajuk “Dali Tidak Berayah Lagi”, “Mos Jual Buah”, “Ibu Zaiton Lumpuh”, “Perangkap”, “Di Hujung Penantian”, “Terhukum”, “Jalan Keluar”, “Wangian di Bukit Peranginan”, “Berkelah”, “Di Pesta Main Pantai” dan “Belajar Berpuasa”.

Bab 7 pula menyentuh tentang naluri mengikut hawa nafsu. Bab ini akan mengupas tentang sikap kanak-kanak yang mementingkan tercapainya segala keinginan tanpa memikirkan perasaan orang lain dan akibat daripada perlakuan mereka. Kajian ini menumpukan kepada tiga buah cerpen iaitu “Hassan Hilang Pensel”, “Kerana Nakal”, dan “Emak Tak Marah Lagi”.

Bab 8 merupakan bab penutup yang merumus dapatan dan keseluruhan hasil kajian.

BAB 2

PENDEKATAN PSIKOLOGI

2.1 Pengenalan

Menurut Ragbir Kaur Joginder Singh (2012 : 3), psikologi boleh didefinisikan sebagai sains pemahaman kelakuan benda-benda hidup. Psikologi adalah kajian mengenai jiwa dan minda, iaitu perasaan dan kelakuan haiwan dan manusia. Manakala Tang Chee Yee (1993 : 1) menerangkan psikologi sebagai kajian tentang tingkah laku dan perhubungan manusia dan haiwan. Tingkah laku manusia bukan sahaja terdiri daripada apa yang boleh dilihat tetapi juga melibatkan semua tindak balasnya kepada pengaruh keadaan hati dan jiwa dan juga kepada persekitarannya.

Mohd. Sharani Ahmad (2006 : 1) berpandangan psikologi ialah gabungan dua perkataan Greek iaitu *Psyche* yang bermaksud jiwa atau semangat dan *logy* yang diambil daripada perkataan *logos* bermaksud pengajian mengenai sesuatu. Justeru, apabila digabungkan kedua-dua perkataan ini boleh disimpulkan bahawa psikologi merupakan pengajian berkaitan kejiwaan atau semangat. Pendapat Siti Hawa Munji et al. (1990 : 1) pula istilah psikologi didefinisikan sebagai sains tentang tingkah laku dan proses mental. Tingkah laku yang dimaksudkan ialah apa sahaja yang dilakukan oleh organisma termasuk aksi dan reaksi serta bagaimana ia bertindak balas.

Mohd. Saleh Lebar (1999 : 4) pula menjelaskan psikologi adalah suatu ilmu yang mengkaji secara saintifik tentang tingkah laku manusia sama ada yang dapat dilihat atau tidak. Manakala *Kamus Dewan* (2007 : 1237) mendefinisikan psikologi sebagai

kajian tentang proses mental dan pemikiran, terutamanya berhubung dengan perlakuan manusia dan haiwan.

Daripada beberapa pandangan di atas, psikologi dapat disimpulkan sebagai satu kajian terhadap tingkah laku manusia terhadap diri sendiri dan orang lain. Tingkah laku ini dapat dilihat dan melibatkan tindak balas kepada pengaruh pemikiran, perasaan, sikap dan tindakan terhadap respons serta persekitaran sosial.

2.2 Perkembangan Psikologi

Ilmu psikologi bermula pada zaman Greek dan pelopor utamanya ialah Aristotle, seorang ahli fikir Greek Tua. Beliau melihat psikologi dari sudut cara manusia berfikir dan mempercayai sesuatu. Beliau telah memberi perhatian terhadap tingkah laku manusia dari sudut bagaimana seseorang merasa, mendengar, menjamah dan melihat. Beliau juga memberi tumpuan tentang masalah pembayangan, ingatan, pemikiran manusia.

Pada tahun 1879, Wilhelm Wundt seorang ahli psikologi Jerman membina makmal psikologi pertama di Leipzig, Jerman untuk mengkaji ilmu kejiwaan. Menurut Yahya Don (2006 : 12) Wundt yang digelar “Bapa Psikologi” menumpukan kajian pengalaman sedar iaitu mengkaji pengalaman sedar yang dialami oleh responden. Dalam kajian ini Wundt membuat kajian ke atas perasaan, sikap, persepsi dan tanggapan individu.

Frank G.Goble (1987 : 17) menyebut dengan kemunculan kajian tentang psikologi tersebut, lahirlah pelbagai pemikiran psikologi oleh ahli-ahli psikologi. Di Amerika, William James mengembangkan Fungsionalisme, Psikologi Gestalt didirikan di Jerman, Psikonalisis Freud berkembang di Wina dan John Watson mengembangkan Behaviorisme.

Bidang perubatan dan rawatan jiwa juga mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang psikologi moden. Pelopor dalam bidang ini ialah Sigmund Freud (1856-1939), seorang doktor Austria. Kajian ke atas pesakit-pesakit jiwa telah menemukan beliau tentang cara merawat pesakit jiwa. Freud mengkaji tingkah laku manusia secara sedar, tidak sedar dan prasedar.

2.3 Teori Psikoanalisis Sigmund Freud

Teori Psikoanalisis diasaskan oleh Sigmund Freud dan terbentuk daripada pemerhatian beliau terhadap pesakit-pesakit yang mempunyai masalah jiwa. Menurut Haliza Hamzah dan Joy N. Samuel (2011:120), Freud telah mengkaji personaliti manusia dengan menggunakan ketulan aisberg yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu alam sedar, alam prasedar dan alam bawah sedar. Bahagian-bahagian ini dibandingkan dengan peringkat-peringkat perkembangan personaliti manusia iaitu id, ego dan superego. Mohd. Sharani Ahmad (2006 : 32) menyatakan bahawa id merupakan bahagian personaliti tidak sedar yang hadir dalam diri manusia sejak mereka dilahirkan. Id menyimpan keinginan atau naluri manusia yang didorong oleh tenaga libido. Manusia dikatakan mempunyai dua naluri iaitu naluri kehidupan dan

naluri kematian. Ego pula merupakan bahagian personaliti yang mempunyai pemikiran realistik dan logik yang tersusun sejak bayi berusia enam bulan lagi. Ego berperanan mengawal id supaya kehendaknya tidak menyalahi nilai dan norma masyarakat. Sementara superego ialah bahagian personaliti bermoral yang berkembang daripada didikan moral dan agama. Menurut Suppiah Nachiappan et al. (2008 : 131), superego mula terbentuk dalam kalangan kanak-kanak ketika mereka berumur tiga hingga lima tahun. Superego terdiri daripada dua komponen, iaitu kendiri unggul (*ideal self*) dan hati kecil (*conscience*). Kesimpulannya superego berperanan sebagai pengantar maklumat nilai moral kepada ego untuk bertindak mengawal id.

Seterusnya, Freud dalam Habibah Elias et al (2006 : 18) minda manusia adalah seperti ais yang besar, bahagian atas yang kelihatan merupakan bahagian sedar. Bahagian yang lebih besar di bawahnya (yang tidak kelihatan) ialah akal yang tidak sedar, yang merangkumi segala pengalaman dan motivasi yang bermula pada peringkat awal kanak-kanak lagi. Tambah Freud lagi, sebahagian besar tingkah laku kita adalah berdasarkan keadaan yang tidak rasional dan bersifat naluridan kita biasanya dipengaruhi oleh dua jenis konflik yang tidak disedari, iaitu konflik agresif dan seksual. Daripada perbandingan aisberg dengan peringkat-peringkat tersebut, teori Freud menyatakan bahawa minda manusia terbahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat sedar, prasedar dan tak sedar. Minda sedar berada di atas permukaan air yang merangkumi pemikiran dan perasaan yang dirasakan dan bersifat sementara. Manusia memerhati, berfikir, merasai dan bertindak dengan minda sedar. Minda

prasedar dan tak sedar berada di bawah permukaan air. Tahap prasedar ialah tahap di bawah sedar seseorang iaitu merujuk kepada pengetahuan dan ingatan seseorang yang boleh dibawa ke tahap sedar. Tahap tidak sedar pula ialah keinginan yang tidak rasional, desakan-desakan yang memalukan dan tidak diterima oleh masyarakat, ketakutan dan perasaan ini telah didesak untuk dilupakan. Keinginan dan desakan-desakan ini berbahaya namun inilah yang menjadi penggerak kepada tingkah laku manusia.

Habibah Elias et al (2006 : 19) turut menyatakan bahawa terdapat lima bahagian utama dalam teori Freud. Pertama, Freud memberikan penekanan kepada peranan faktor-faktor yang tidak disedari dalam tingkah laku manusia dan telah memberikan beberapa contoh tentang tingkah laku manusia yang bersifat demikian. Konsep kedua dalam teori Freud ialah tingkah laku manusia adalah disebabkan oleh arus kuasa. Ketiga, personaliti manusia dikatakan mempunyai struktur yang tetap dan struktur tersebut terdiri daripada tiga konstruk utama: id, ego dan superego yang saling berinteraksi antara satu sama lain. Akhir sekali, Freud menyatakan tingkah laku manusia adalah disebabkan oleh kerisauan dan bagaimana seseorang itu membela dirinya daripada keadaan tersebut.

Mengikut Freud lagi dalam Mok Soon Sang (2012 : 152), tingkah laku manusia yang eksplisit terjadi apabila berlaku konflik di antara id, ego dan superego. Id, serupa dengan nafsu yang mendorong manusia melakukan sesuatu yang tidak bermoral kerana id tidak tahu antara perbuatan yang betul atau salah. Manakala ego serupa hati

dan superego serupa dengan akal akan berusaha mengawal id supaya tidak melakukan sesuatu yang tidak bermoral. Sekiranya konflik ini dibiarkan tanpa diselesaikan, ianya akan memberikan ketegangan dan akhirnya mewujudkan tingkah laku bermasalah. Walau bagaimanapun, Freud berpendapat manusia akan menggunakan mekanisme helah bela diri bagi menyelesaikan konflik antara id, ego dan superego. Ragbir Kaur Joginder Singh (2012 : 106) mengatakan bahawa helah bela diri merupakan reaksi semula jadi dalam ego seseorang untuk melindungi dirinya dari ancaman orang lain, kejadian atau pengalaman.

Dalam hal ini Jas Laile Suzana Jaafar (2002 : 22) berpendapat, mekanisme helah bela diri adalah satu kaedah tidak sihat yang secara tidak sedar digunakan oleh seseorang apabila ia tidak dapat memuaskan kehendak-kehendak id. Mekanisme ini adalah satu usaha ego yang bertindak sebagai orang tengah untuk mendamaikan pertelingkahan antara id dan superego supaya personaliti seseorang akan beroperasi secara sihat. Robert D.Nye (1992: 45) pula menyatakan mekanisme helah bela diri digunakan oleh ego untuk melindungi individu daripada kebimbangan dan ia melibatkan pemalsuan keadaan-keadaan sebenar dan diandaikan beroperasi secara tidak sedar.

Menurut Freud dalam Mok Soon Sang (2012 : 153), terdapat dua kategori mekanisme helah bela diri iaitu helah bela diri aktif dan helah bela diri pasif. Helah bela diri aktif terdiri daripada sublimasi, rasionalisasi, pemindahan, projeksi, introjeksi, pembentukan reaksi, kompensasi dan fantasi. Manakala helah bela diri pasif pula